

NO. SOALAN: 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 2 APRIL 2014

RUJUKAN : 6588

SOALAN:

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah cybercafe di Malaysia yang beroperasi secara haram. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membanteras operasi atau kegiatan cybercafe haram dan apakah hasilnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM, khasnya Jabatan Siasatan Jenayah amat peka dan sensitif kepada isu-isu berkaitan perjudian haram terutama yang melibatkan *cyber cafe* di seluruh negara. Jabatan ini sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang boleh menjejaskan imej negara. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- i) Memperhebatkan tindakan tegas pembanterasannya kegiatan mesin perjudian berkomputer (Op Dadu Khas) dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara.**
- ii) Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.**
- iii) Mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

iv) Bekerjasama dengan lain-lain agensi kerajaan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia serta kerajaan tempatan dalam usaha bersungguh-sungguh membanteras kegiatan haram ini.

Pihak PDRM sentiasa memandang serius serta mengambil tindakan terhadap kegiatan perjudian mesin berkomputer yang terdapat di seluruh negara. Statistik serbuan dan rampasan yang telah dilaksanakan oleh pihak PDRM bagi tahun 2013 seperti berikut:-

SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN KOMPUTER
53,595	15,241	90,114